

**TEKS UCAPAN
YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN
BIN HAJI MOHD YASSIN
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN
MyDIGITAL DAN RANGKA TINDAKAN
(*BLUEPRINT*) EKONOMI DIGITAL
MALAYSIA**

PADA 19 FEBRUARI 2021 (JUMAAT)

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kanan

Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri
Besar dan Ketua-Ketua Menteri

Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Bin
Mohamed
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Ekonomi)

Yang Berhormat Menteri-Menteri

Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Zuki Bin Ali
Ketua Setiausaha Negara

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-Ketua Jabatan,

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Apa khabar semua? Saya doakan saudara dan saudari sihat waláfiat insha-Allah.

1. Terlebih dahulu saya merakamkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama hadir secara maya di Majlis Pelancaran MyDIGITAL dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia pada pagi yang mulia ini.

Saudara dan saudari yang saya kasihi
sekalian,

2. Gelombang digital terus membadai masyarakat sejagat, mencapai skala yang tidak pernah tercapai sebelum ini dan telah merubah sama sekali gaya hidup masyarakat terbanyak di seluruh pelusuk dunia. Jika kita menoleh kebelakang hanya lima tahun yang lalu, sudah begitu banyak perubahan yang dapat kita lihat dari pelbagai aspek. Samada dari segi cara kita berinteraksi antara satu sama lain, cara kita belajar, mengurusniaga, malah cara kita memantau kesihatan diri pun, semuanya jauh berbeza dan berubah dengan sentuhan teknologi. Teknologi

termaju seperti kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* (“AI”), internet benda atau *internet of things* (“IoT”), analitiks data raya atau *big data analytics* serta blok rantai atau *blockchain*; kesemuanya mahu tidak mahu telah mengubah corak ekonomi dunia dan cara hidup masyarakat moden.

3. Peranan teknologi digital ini terserlah lebih-lebih lagi semenjak setahun lalu apabila pandemik COVID-19 telah memberi cabaran getir kepada semua negara untuk meneruskan kehidupan seperti biasa. *It has never been clearer that technology is a convenient tool for advancement in the best of times, and*

an essential tool of survival during the most challenging of crises.

4. Penguasaan teknologi digital ini juga merupakan kunci untuk negara mengatasi batasan produktiviti, sekaligus menaiktaraf ekonomi Malaysia. Keupayaan untuk merebut peluang yang muncul daripada teknologi dan model perniagaan inovatif, akan memainkan peranan penting dalam memacu enjin baharu pertumbuhan ekonomi negara.

Saudari dan saudari yang saya kasihi sekalian,

5. Inisiatif MyDIGITAL ini berhasrat untuk memperkasakan setiap rakyat Malaysia, dari Perlis ke Sabah, untuk memperbaiki kehidupan mereka dalam setiap aspek. Antaranya, ia merangkumi idea dan pelan untuk meningkatkan literasi digital, mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi, menjadikan urusan perbankan dan kewangan dan lebih mudah dan teratur, memberikan akses pendidikan secara maya kepada anak-anak kita serta membawa kemudahan perubatan ke pekan terpencil.

6. Ia juga merupakan suatu pelan halatuju transformasi digital yang mampu mengupayakan sektor

perniagaan untuk bersaing di pentas global dengan memantapkan kelancaran dan kecekapan operasi mereka.

Saudari dan saudari yang saya kasihi sekalian,

7. Sebagai kerajaan yang prihatin dan responsif terhadap cabaran ini, maka pada hari ini, saya berbesar hati ingin mengumumkan inisiatif MyDIGITAL yang merangkumi Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia. Inisiatif ini merupakan pelengkap kepada dasar pembangunan negara seperti Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Wawasan

Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

8. MyDIGITAL menetapkan gabungan inisiatif dan sasaran merentasi tiga fasa pelaksanaan hingga tahun 2030;
 - i) Menjelang tahun 2025, ekonomi digital dijangka akan menyumbang 22.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.
 - ii) Pada masa yang sama, pelan ini juga menyasarkan untuk membuka 500, 000 peluang pekerjaan dalam ekonomi digital.
 - iii) Sementara itu kerajaan juga akan mengalakkan sebanyak 875, 000 perusahaan mikro, kecil

dan sederhana menerima guna e-dagang.

- iv) Selain itu, inisiatif-inisiatif dibawah naungan MyDIGITAL ini juga dapat memangkinkan 5,000 syarikat peringkat permulaan atau *startups* dalam masa lima tahun akan datang.
- v) Inisiatif ini juga akan menjadi titik tolak untuk menarik pelaburan baru dalam sektor digital sebanyak RM70 bilion dari dalam dan luar negeri.
- vi) Seterusnya, kerajaan menyasarkan tahap produktiviti sektor ekonomi meningkat 30 peratus lebih tinggi berbanding hari ini menjelang tahun 2030.

- vii) Bagi sektor awam pula, semua agensi akan menyediakan kemudahan transaksi tanpa tunai sebagai pilihan utama menjelang tahun 2022.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

- 9. Untuk merencanakan inovasi dan mewujudkan sebuah ekosistem digital yang berkesan, empat jenis prasarana digital penting di bawah MyDIGITAL ini perlu dibina terlebih dahulu. Usaha pembinaan ini akan dilakukan menerusi pendekatan Usahasama Kerajaan dan Swasta di mana sektor swasta berkongsi menyumbangkan dana modal dan kemahiran;

10. **Pertamanya**, sejumlah RM21 bilion akan dilabur sepanjang lima tahun melalui projek Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk memantapkan kesalinghubungan atau *connectivity* sedia ada. Rangkaian gentian optik talian tetap ini akan meliputi hampir 100 peratus kawasan berpenduduk secara berperingkat - daripada 7.5 juta premis di hujung tahun 2022 kepada 9 juta premis menjelang penghujung tahun 2025. Bersandarkan rangkaian gentian optik yang lebih luas ini, negara akan lebih bersedia untuk beralih ke teknologi rangkaian selular generasi kelima atau *fifth generation cellular networking technology* ("5G") dalam masa yang terdekat.

11. **Kedua**, sejumlah RM1.65 billion akan dilaburkan oleh beberapa syarikat telekomunikasi untuk memantapkan sambungan ke jaringan kabel dasar laut antarabangsa sehingga tahun 2023. Ini akan membuka ruang untuk pemindahan data antarabangsa yang lebih cepat dan stabil, sekaligus menurunkan kos internet kepada pengguna di Malaysia.

12. **Ketiga**, sejumlah RM15 bilion akan dilaburkan sepanjang sepuluh tahun untuk pelaksanaan 5G ke seluruh negara. Ini akan mewujudkan lebih kurang 105,000 peluang pekerjaan. Usaha ini akan dilaksanakan melalui sebuah entiti khusus atau *special*

purpose vehicle dibawah kerajaan Malaysia. Entiti ini seterusnya akan diberikan spektrum yang bersesuaian untuk memiliki, melaksana dan menguruskan infrastruktur 5G.

13. Insyallah, semua syarikat telekomunikasi berlesen akan mendapat akses infrastruktur yang sama rata, dalam memasarkan perkhidmatan 5G kepada pelanggan mereka. Perkongsian kos infrastruktur ini membolehkan syarikat telekomunikasi menjana pulangan lebih tinggi dan seterusnya dapat memberikan khidmat 5G yang lebih baik dan murah kepada pengguna. Keadaan ini akan melonjakkan penggunaan 5G dan meningkatkan

keupayaan ekonomi dalam mencetuskan lebih banyak inovasi produk dan perkhidmatan.

14. Maka, menjelang hujung tahun ini, teknologi 5G akan mula dinikmati oleh rakyat secara berperingkat. Dengan ini, Malaysia akan menjadi salah satu negara pertama di rantau ini yang membina ekosistem 5G menggunakan internet dan perkhidmatan awan dalam masa-sebenar atau *real-time*, untuk membolehkan maklumat dikongsi serta-merta.

15. Bayangkanlah, teknologi 5G ini merupakan satu *gamechanger*, kerana akan wujud lebih banyak perkhidmatan pintar yang membawa kesan langsung

kepada kesejahteraan rakyat. Hal ini kerana 5G bukan sahaja sekadar menjanjikan capaian internet yang lebih laju, tetapi lebih penting dari itu, ia memungkinkan pelbagai aplikasi penting berada dalam genggaman pengguna, termasuk aplikasi-aplikasi pemantauan kesihatan bagi pesakit-pesakit kronik, bantuan kecemasan pintar, dan aplikasi-aplikasi khas bagi warga emas yang tinggal bersendirian.

16. **Keempat**, antara RM12 billion hingga RM15 billion akan dilaburkan oleh syarikat-syarikat *Cloud Service Provider* (“CSP”) atau penyedia perkhidmatan awan dalam tempoh lima tahun akan datang. Disini, saya dengan sukacitanya ingin

mengumumkan bahawa kerajaan setakat ini telah memberikan kebenaran bersyarat kepada empat syarikat CSP - Microsoft, Google, Amazon serta Telekom Malaysia - untuk membina dan menguruskan pusat data berskala-hiper atau *hyper-scale* dan perkhidmatan *cloud services*. Pusat data yang berskala-hiper ini serta perkhidmatan awan hibrid atau *hybrid cloud services*, juga akan diwujudkan untuk menambah ruang penyimpanan data, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan analisis.

17. Di samping itu, kerajaan juga telah mencadangkan untuk melantik tiga syarikat ICT tempatan sebagai

Manage Service Provider (MSP) bagi bekerjasama dengan CSP ini untuk menguruskan perkhidmatan CSP kepada agensi Sektor Awam, seiring dengan hasrat untuk memperkasakan keupayaan syarikat tempatan. Syarikat tersebut adalah Enfrasys Solution Sdn.Bhd., Prestariang Systems Sdn. Bhd. dan Cloud Connect Sdn. Bhd.

18. Sebagai langkah untuk memperkasakan perkhidmatan pengkomputeran awan Sektor Awam, kerajaan menerusi strategi *Cloud First*, telah menyasarkan migrasi 80 peratus data awam ke sistem awan hibrid ini menjelang akhir 2022. Selain pengumpulan dan pengurusan data

secara lebih berkesan dan lancar, strategi ini dapat mengurangkan kos kerajaan dalam pengurusan teknologi maklumat dalam jangka panjang. Perkhidmatan *Cloud* juga akan membolehkan aplikasi *Big Data*, *AI*, *IoT* dan lain-lain digunakan untuk memantapkan perkhidmatan kerajaan.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

19. Pembinaan infrastruktur digital ini merupakan tulang belakang dalam membentuk sebuah ekosistem digital yang mampan. Ekosistem ini pula merupakan enjin utama dalam pertumbuhan ekonomi yang lestari.

Kerajaan akan terus membantu pengukuhan ekosistem baru ini dengan beberapa cara, termasuk:

i) dengan memupuk persekitaran pengawalseliaan yang mendukung penggunaan digital sambil melindungi privasi warga negara;

ii) dengan mentadbir sumber data awam supaya boleh dimanfaatkan bersama oleh organisasi awam dan swasta dan;

iii) dengan memudahkan evolusi pasaran buruh dalam industri yang kemungkinan terganggu oleh automasi dan teknologi digital.

20. Oleh itu, kita akan memastikan syarikat-syarikat digital yang terbabit dengan kerajaan, berusaha gigih untuk membantu rakyat Malaysia meningkatkan kemahiran digital. Syarikat-syarikat ini antaranya juga akan menjalin kerjasama dengan universiti-universiti tempatan bagi mewujudkan Fakulti *Artificial Intelligence* dan sebagainya serta bekerjasama dengan kerajaan untuk melaksanakan program peningkatan kemahiran pekerja secara amnya.
21. Keselamatan siber dan data pastinya merupakan antara tumpuan utama kerajaan dalam merealisasikan visi negara berteknologi digital. Data rakyat akan dikendalikan dengan

penuh hemat berdasarkan piawaian keselamatan yang ditetapkan oleh kerajaan melalui agensi pelaksana iaitu Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA). Disini saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan amat komited dalam memantau keselamatan sistem pengurusan data ini, untuk mengelakkan sebarang ancaman siber masa depan.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

22. Ingin saya tekankan bahawa inisiatif MyDIGITAL melalui Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital mengandungi pelan pendekatan senegara atau *whole of nation*

approach. Dalam menghadapi kemunculan ekosistem digital masa depan, semua pihak berkepentingan perlu mengadaptasi secepat mungkin dalam menghadapi cabaran sebuah negara yang terhubung atau “*a connected nation.*”

23. Akhir kata, saya berharap semua rakyat Malaysia dapat memanfaatkan teknologi digital ini sepenuhnya dan cekat mendepani peralihan ke ekonomi digital. Walaupun sektor awam dan swasta mungkin memainkan peranan yang berbeza tetapi kita harus tetap senada dan sehaluan. Saya yakin kerangka dasar yang merangkumi pembentukan infrastruktur, memperjelaskan kawal selia serta

pemudahcara pembentukan ekosistem, akan dapat memberi negara, halatuju yang diperlukan untuk merealisasikan visi digital ini.

24. Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, saya dengan ini melancarkan inisiatif MyDIGITAL dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia.

Terima kasih. Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.fidea